

KRONOLOGI
KES PENAMATAN PERKHIDMATAN SEBAGAI AHLI PKNS
YB. MOHAMED AZMIN BIN ALI

BIL.	TARIKH	PERKARA	LAMPIRAN
1.	17 Mei 2013	Pejabat Menteri Besar telah menerima surat No.Rujukan PKNS/SUK/U/2.2/97 Jld. 10 bertarikh 15 Mei 2013 daripada Pengurus Besar PKNS bertajuk "PENGESAHAN PELANTIKAN AHLI-AHLI PROFESIONAL DI DALAM AHLI-AHLI PERBADANAN"	Lampiran 1
2.	1 Nov. 2013	Pejabat Menteri Besar telah menerima draf Kertas Ringkasan bertajuk "PENGESAHAN PERLANTIKAN AHLI-AHLI PERBADANAN YANG DILANTIK DI BAWAH SEKSYEN 4(1) (d) ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR 1964" dari PKNS. Kertas tersebut tidak digunapakai YAB. Dato Menteri Besar.	Lampiran 2
3.	12 Nov. 2013	<p>Berdasarkan kepada Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 Seksyen 4(1) (d) menyatakan bahawa "Tidak lebih daripada lima Ahli-ahli Lain yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat"</p> <p>YAB. Dato' Menteri Besar Selangor telah mengarahkan Ketua Setiausaha Sulit untuk menyediakan satu Kertas Ringkasan bertajuk "CADANGAN UNTUK MEMPERTIMBANGKAN SEMULA PELANTIKAN AHLI-AHLI PERBADANAN YANG DILANTIK DI BAWAH SEKSYEN 4(1) (d) ENEKMEN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR 1964".</p> <p>Tidak di mana-mana para kertas tersebut yang menyatakan bahawa Pejabat Menteri Besar mengesyorkan YB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali ditamatkan.</p> <p>Kertas Ringkasan telah ditandatangani oleh YAB. Dato' Menteri Besar.</p>	Lampiran 3

BIL.	TARIKH	PERKARA	LAMPIRAN
4.	13 Nov. 2013	YAB. Dato' Menteri Besar Selangor telah membenteng Kertas Ringkasan tersebut di atas di Mesyuarat MMKN ke 35/2013 dan MMKN telah meluluskan Kertas Ringkasan tersebut.	
5.	4 Dis. 2013	MMKN bil. 37/2013 telah mengesahkan keputusan yang dibuat pada 13.11.2013. Keputusan MMKN; 1. MMKN menimbang dan meluluskan pelantikan Ahli-ahli Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 4(1) (d) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 seperti berikut: i) YB. Dato' Teng Chang Khim ii) YB. Tuan Iskandar bin A. Samad 2. Seorang lagi calon Ahli Perbadanan PKNS akan ditentukan kemudian.	Lampiran 4
6	9 Dis. 2013	Setiausaha Dewan (MMKN) menghantar cabutan minit kepada PKNS melalui surat bertarikh 9 Disember 2013	Lampiran 5
7.	8 Jan 2014	Sebulan kemudian melalui surat bertarikh 8 Januari 2014 PKNS telah memaklumkan kepada YB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali bahawa kedudukan beliau sebagai Ahli-Ahli Perbadanan PKNS telah ditamatkan mulai 4 Disember 2013. YB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali dalam Twitter mengesahkan beliau telah menerima surat penamatan daripada PKNS di dalam media. YB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali juga dikatakan telah memulangkan Kereta Perbadanan yang diperuntukan kepada beliau.	Lampiran 6(a) 6(b)

BIL.	TARIKH	PERKARA	LAMPIRAN
8.	15 Jan 2014	YAB. Dato' Menteri Besar Selangor, Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim menjelaskan tindakan tidak memperbaharui kontrak perkhidmatan YB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali bukan keputusan beliau mahupun EXCO Kerajaan Negeri Selangor, tetapi diputuskan Pengurus Besar PKNS, Dato' Othman Omar seperti di dalam Lampiran 6(a).	
9.	16 Jan 2014	Setiausaha Kerja PKNS, Pn Hjh Norita Mohd. Sidek menafikan kenyataan YAB. Dato' Menteri Besar Selangor dengan menyatakan pengguguran YB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali dibuat selaras keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) pada 13 November dan disahkan pada 4 Disember.	Lampiran 7
10.	19 Jan 2014	YAB. Dato' Menteri Besar Selangor telah mengarahkan YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil tindakan tatatertib kepada Dato' Othman bin Omar dan beberapa pegawai di PKNS.	Lampiran 8
11.	20 Jan 2014	<p>YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mengeluarkan surat pertukaran serta-merta kepada Dato' Othman bin Omar dan Pn. Norita Mohd. Sidek ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.</p> <p>YAB. Dato' Menteri Besar Selangor telah memanggil Dato' Othman Omar dan Pn Hjh Norita Mohd Sidek bagi memaklumkan bahawa satu Jawatankuasa Tatatertib yang dipengerusikan oleh YB. Datp' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi menyiasat keseluruhan isu Ahli-ahli Lembaga Pengarah PKNS dan meminta kedua mereka memberi kerjasama penuh terhadap Jawatankuasa tersebut.</p>	Lampiran 9 Lampiran 10
12.	22 Jan 2014	YB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali dalam Kenyataan Akhbar Sinar Harian telah mengesahkan menerima surat PKNS bertarikh 16 Januari 2014 yang membatalkan surat terdahulu [8 Januari 2014 - menamatkan perkhidmatan sebagai Ahli-Ahli Perbadanan PKNS)]	Lampiran 11

BIL.	TARIKH	PERKARA	LAMPIRAN
13.	22 Jan 2014	YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam Kenyataan Akhbar 21 Januari 2014 menegaskan Kerajaan Negeri tidak pernah mengarahkan PKNS menarik balik surat penamatan berkhidmatan.	Lampiran 12